

KHUTBAH JUMAAT

“HIJRAH DENGAN ILMU DAN IMAN, PEMANGKIN PERPADUAN”

(19 Jun 2026M/ 3 Muharam 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Orang yang bertakwa bukan sekadar rajin beribadah, tetapi sentiasa berusaha memperbaiki diri, menjaga hubungan dengan manusia dan menjadikan ilmu sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Bersempena dengan Tahun Baru 1448 Hijrah ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “***Hijrah Dengan Ilmu dan Iman, Pemangkin Perpaduan.***”

Kaum muslimin yang berbahagia,

Apabila kita menyingkap kembali sirah agung peristiwa Hijrah Nabi

sallallahu alaihi wasallam dari Mekah ke Madinah, kita bukan sekadar melihat sebuah penghijrahan fizikal, bahkan transformasi minda, spiritual, dan sosial yang dipandu oleh wahyu dan ilmu.

Sejak sebelum hijrah lagi Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah berusaha mendidik dan membimbing umat Islam ke arah pengukuhan akidah, keluhuran akhlak dan kesatuan umat. Apabila tiba di Madinah, para sahabat sudah bersedia memikul amanah membina sebuah masyarakat dan negara Islam.

Begitu juga di bandar Yathrib (Madinah), sebelum ketibaan Islam, masyarakatnya berada dalam kancah permusuhan yang panjang antara suku Aus dan Khazraj. Namun, formula apakah yang digunakan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* untuk menyatukan mereka?

Jawapannya adalah ilmu dan iman. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* datang membawa ilmu ketauhidan dan syariat yang mendidik jiwa manusia untuk melihat satu sama lain sebagai saudara, bukan sebagai musuh.

Perpaduan yang rapuh selalunya berpunca daripada kejahilan. Tanpa ilmu dan iman, manusia mudah dipengaruhi oleh emosi, fitnah, dan prasangka buruk. Ilmu yang benar bertindak sebagai penapis yang membezakan antara hak dan batil, antara berita sahih dan khabar angin yang merosakkan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita hidup pada zaman yang penuh dengan kecanggihan

maklumat. Telefon pintar yang berada di tangan kita boleh membuka khazanah ilmu dari seluruh dunia. Dalam beberapa saat sahaja, kita boleh mendapatkan pelbagai maklumat yang dahulu mungkin mengambil masa berbulan-bulan untuk dicari. Manusia berjaya meneroka angkasa. Teknologi berkembang dengan begitu pantas. Kecerdasan buatan semakin menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Tetapi dalam masa yang sama, kita melihat satu keadaan yang membimbangkan. Manusia semakin banyak maklumat, tetapi semakin mudah bermusuhan. Semakin banyak bercakap, tetapi semakin kurang mendengar. Semakin mudah berhubung, tetapi semakin sukar memahami antara satu sama lain. Mengapa perkara ini berlaku?

Kerana ilmu semata-mata belum tentu mampu membina manusia. Ilmu yang tidak dipandu oleh iman boleh melahirkan kesombongan. Ilmu yang tidak disertai akhlak boleh membawa perpecahan. Ilmu yang tidak diiringi hikmah boleh menjadi sebab manusia saling menjatuhkan antara satu sama lain. Daripada Jabir bin Abdillah *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

« لَا تَعْلَمُوا الْعِلْمَ لِتُبَاهُوا بِهِ الْعُلَمَاءَ، وَلَا لِتُمَارُوا بِهِ السُّفَهَاءَ، وَلَا تَخَيَّرُوا بِهِ الْمَجَالِسَ، فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَالنَّارُ النَّارُ »

Maksudnya: *Janganlah kamu mempelajari ilmu untuk berbangga-bangga di hadapan para ulama, atau untuk berdebat dengan orang*

bodoh, atau untuk menarik perhatian dalam majlis-majlis. Sesiapa yang melakukan demikian, maka nerakalah, nerakalah.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah memberi amaran terhadap perbuatan menuntut ilmu untuk berbangga-bangga di hadapan para ulama, dan menzahirkan diri sebagai seorang alim seperti mereka; atau untuk berdebat dengan orang jahil dan yang cetek akalnya; atau mempelajarinya untuk mendapat kedudukan utama dalam majlis-majlis dan didahulukan mengatasi orang lain di dalamnya. Maka sesiapa yang berbuat demikian, dia berhak mendapat neraka kerana riaknya dan tidak ikhlas dalam menuntut ilmu kerana Allah *subhanahu wata'ala*.

Justeru, menuntut ilmu wajib dilakukan dengan iman dan niat yang ikhlas kerana Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Fatir, ayat 28:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ، كَذَلِكَ ۖ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ
مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ (٢٨)

Maksudnya: *Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.*

Perhatikan bagaimana Allah *subhanahu wata'ala* menggambarkan orang yang berilmu. Allah *subhanahu wata'ala* tidak menyebut mereka sebagai orang yang paling terkenal. Allah *subhanahu wata'ala* tidak menyebut mereka sebagai orang yang paling banyak pengikut. Tetapi Allah *subhanahu wata'ala* menyebut mereka sebagai orang yang paling takut kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Tegasnya, semakin bertambah ilmu seseorang, semakin bertambah tawaduk dirinya. Semakin luas pengetahuannya, semakin baik akhlaknya. Semakin tinggi kedudukannya, semakin besar rasa tanggungjawabnya terhadap manusia.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Para ulama terdahulu mengajar kita bahawa ilmu yang benar melahirkan adab ketika berbeza pandangan sesama ilmunan. Imam al-Syafi'i *rahimahullah* pernah menyebut: "*Pendapatku betul tetapi berkemungkinan salah, dan pendapat orang lain (ulama lain) salah tetapi berkemungkinan betul.*" Ungkapan ini lahir daripada keluasan ilmu dan kerendahan hati.

Inilah adab orang berilmu. Mereka berbeza pandangan tetapi tidak bermusuhan. Mereka berhujah tetapi tidak menghina. Mereka mencari kebenaran tanpa merosakkan persaudaraan. Hari ini kita sering melihat perkara yang sebaliknya. Pandangan yang berbeza dijadikan alasan untuk menghina tanpa usul periksa. Kerana satu berita yang belum tentu benar, masyarakat mula saling mencurigai.

Kerana itulah Islam mengajar kita supaya sentiasa menyemak dan

meneliti sesuatu perkara sebelum membuat keputusan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hujurat ayat ke 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ
فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (٦)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam tidak pernah memisahkan antara wahyu dan akal. Islam juga tidak pernah melihat ilmu dan agama sebagai dua perkara yang bertentangan. Sebaliknya, apabila ilmu dipandu oleh wahyu, lahirlah manusia yang seimbang. Apabila ilmu dipandu oleh iman, lahirlah masyarakat yang saling menghormati. Apabila ilmu dipandu oleh hikmah, lahirlah perpaduan dan keharmonian.

Malaysia adalah sebuah negara yang dibina atas kepelbagaian. Kita berbeza bangsa, bahasa dan latar belakang. Namun, kita berkongsi tanah air yang sama dan masa depan yang sama. Perpaduan tidak lahir hanya dengan slogan. Perpaduan lahir apabila manusia belajar menghormati. Perpaduan lahir apabila manusia sanggup

mendengar. Perpaduan lahir apabila ilmu menjadikan kita lebih adil dan lebih matang dalam membuat pertimbangan.

Oleh itu, sempena Tahun Baru Hijrah ini, marilah kita bersama-sama melakukan perubahan dan peningkatan diri melalui pencarian, penghayatan serta pengamalan ilmu yang bermanfaat. Berhijrah daripada kejahilan kepada pengetahuan, daripada maklumat yang tidak sahih kepada ilmu yang benar, serta daripada ilmu yang tidak diamalkan kepada ilmu yang memberi manfaat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

Pertama: Ilmu yang sebenar ialah ilmu yang mendekatkan manusia kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan membentuk akhlak yang mulia.

Kedua: Perbezaan pandangan tidak seharusnya membawa kepada perpecahan dan permusuhan.

Ketiga: Ilmu yang dipandu oleh iman dan hikmah mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan dan keharmonian ummah.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anbia', ayat 7 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ ۖ فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا
تَعْلَمُونَ (٧)

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada orang yang berilmu (ahli ilmu) jika kamu tidak mengetahui.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tetaplah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۚ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah

nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنِثْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.